

Dr. M bila2 masa boleh mengutus surat dengan Kohl

# Malaysia jalin hubungan istimewa dengan Jerman

Perdana Menteri

Dari

**Samad Mahadi**

**B**ONN 20 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad nampaknya telah berjaya mewujudkan hubungan paling istimewa dengan Canselor Jerman Barat, Dr. Helmut Kohl yang akan membolehkan Malaysia membawa kepada pengetahuannya segala kekhawatiran rakyatnya di bidang antarabangsa terutamanya mengenai perdagangan.

Dr. Kohl telah menjemput Datuk Sri Dr. Mahathir mengutus surat kepadanya bila - bila masa sahaja atas sebarang perkara yang hendak diketengahkan.

Seolah - olah itu tidak mencukupi, beliau juga meminta Perdana Menteri menghantar wakil khas menjumpainya jika itu diperlukan.

Para wartawan yang menunggu di luar bilik perbincangan antara kedua - dua orang pemimpin itu mendapat isyarat awal tentang sesuatu yang baik sedang berlaku apabila perbincangan itu melampaui masa yang ditetapkan.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Yusof Hitam, mengesahkannya kemudian apabila memberi taklimat tentang perbincangan berkenaan kepada para wartawan Malaysia.

Dari apa yang diberitahu oleh Datuk Yusof dapatlah dirumuskan bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir telah berjaya menyampaikan dengan jelas dan terang akan kekhawatiran dan kerunsingan para peladang, pekebun kecil, pengilang dan pengeksport Malaysia atas beberapa hal tertentu.

Paling utama ialah perihal rundingan pusingan Uruguay melibatkan perdagangan hasil pertanian yang kini terbelenggu oleh pendirian beberapa buah negara maju yang kurang arif tentang masalah - masalah yang dihadapi oleh pak tani dan pedagang Malaysia.

Tidak ketinggalan juga tentang syak wasangka Malaysia bahawa ada pihak di dalam Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) yang cenderung kepada sekatan - sekatan perdagangan kepada negara - negara lain apabila kesatuan itu menjadi sebuah pasaran tunggal dalam tahun 1992.

Atas hakikat ini Dr. Kohl telah terdorong untuk memberi pendapat peribadinya mengenai beberapa isu selain daripada pendirian rasmi kerajaannya.

Bukan setakat itu sahaja, malah beliau telah terdorong untuk memberitahu Datuk Sri Dr. Mahathir tentang arah haluan pendapat dan pendirian beberapa negara anggota EEC, berhubung dengan bentuk pasaran tunggal Eropah yang sedang disusun itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir kini tahu negara - negara manakah yang sependapat atau hampir sealiran dengan Republik Persekutuan Jerman tentang perlunya pasaran tunggal Eropah membuka pintunya seluas - luas kepada perdagangan dunia.